

KHUTBAH JUMAAT

“PERANAN MASYARAKAT MENINGKATKAN KESEDARAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR”

(28 Oktober 2022M/ 02 Rabiulakhir 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dikurniakan kejayaan yang hakiki di dunia dan di akhirat. Sempena Hari Alam Sekitar Negara yang disambut pada 21 Oktober setiap tahun, mimbar akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**Peranan Masyarakat Meningkatkan Kesedaran Kelestarian Alam Sekitar**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Alam adalah anugerah Allah *subhanahu wata'ala* yang sangat bermakna dalam kehidupan manusia. Allah *subhanahu wata'ala* telah menciptakan alam ini dengan sempurna untuk manfaat manusia dan semua makhluk atas muka bumi ini. Bumi yang luas

dijadikan tempat tinggal manusia dan haiwan untuk hidup, gunung-ganang dijadikan sebagai pasak bumi umpama tiang, manakala tumbuh-tumbuhan sebagai sumber rezeki dan makanan kepada kehidupan, hujan sebagai sumber air, manakala hidupan di lautan dijadikan rezeki makanan untuk kemudahan hidup manusia. Hal ini sepertimana yang dijelaskan Allah *subhanahu wata'ala* melalui firman-Nya dalam Surah Ibrahim, ayat 32 dan 33:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَنْهَارَ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمُ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَائِبَيْنِ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ ﴿٣٣﴾

Maksudnya : Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). Dan Ia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu, dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu.

Justeru, kita sebagai khalifah di atas muka bumi ini, ditugaskan untuk memikul amanah memakmurkan bumi dengan memeliharanya daripada sebarang kerosakan. Apabila kita merujuk kepada ayat-ayat al-Quran berkaitan kehidupan dunia, kita akan

mendapati bahawa Allah *subhanahu wata'ala* berulang kali menekankan peranan memelihara dan menjaga diri, kehidupan, termasuklah penjagaan alam. Di sinilah peranan yang mesti dimainkan oleh kita semua kerana dunia yang kita diami ini adalah amanah yang telah diberikan Allah *subhanahu wata'ala* untuk dijaga dan dipelihara serta dimakmurkan. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam surah Hud, ayat 61 yang bermaksud:

((Dan kepada kaum Thamud, Kami utuskan saudara mereka: Nabi Soleh. Dia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Dia lah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepada-Nya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hamba-Nya)).

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kita menyaksikan pelbagai kesan buruk yang berlaku akibat perilaku dan tindak-tanduk mereka yang tidak bertanggungjawab terhadap alam yang sudah pastinya menjejaskan kehidupan manusia seperti peningkatan suhu bumi, pencemaran air dan udara, banjir besar, tanah runtuh, kebakaran hutan, kemusnahan tumbuh-tumbuhan serta perubahan cuaca yang tidak menentu.

Sebenarnya, pelbagai bencana dan kerosakan alam sekitar yang berlaku di seluruh dunia adalah disebabkan oleh kerakusan dan kecuaiian manusia itu sendiri. Inilah yang diperingatkan oleh Allah

subhanahu wata'ala dalam surah al-Rum, ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي

عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya: *Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*

Sebagai contoh, kita telah menyaksikan bagaimana kesan jerebu yang melanda negara hampir setiap tahun yang telah memberi kesan secara langsung kepada kehidupan masyarakat. Akibat daripada tangan-tangan manusia yang tidak bertanggungjawab melakukan pembakaran hutan telah menyebabkan udara yang sebelumnya bersih telah dicemari sehingga boleh menjejaskan kesihatan. Kesannya, sekolah-sekolah terpaksa ditutup akibat tahap kualiti udara sangat tidak sihat.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya hubungan manusia dan alam sekitar sememangnya rapat, malah kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain. Sekiranya satu musnah, maka sengsaralah pihak yang satu lagi. Maka tidak hairan apabila Islam begitu menitikberatkan tanggungjawab manusia untuk mengekalkan keharmonian dunia

dan menjaga segala isi alam anugerah Yang Maha Pencipta. Amaran dan peringatan Allah kepada semua makhluk menjaga kelestarian alam sekitar seperti diterjemahkan melalui melalui firman-Nya dalam Surah al-A'raaf, ayat 56:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ

قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: *Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.*

Oleh sebab itu, marilah kita sama-sama berganding bahu memakmurkan bumi Allah ini dengan sebaik-sebaiknya. Setiap anggota masyarakat boleh bertindak sebagai sukarelawan alam sekitar atau menyertai Rakan Alam Sekitar dalam melaksana dan mengamalkan gaya hidup lestari seperti menggalakkan komuniti untuk meningkatkan tanaman hijau. Penanaman pelbagai tumbuhan ini dapat dapat membantu menyerap karbon dioksida dari udara yang akhirnya mengurangkan kesan gas rumah hijau. Ianya juga mampu mengubah iklim mikro di sesuatu tempat. Penanaman tumbuhan hijau juga menjadikan suasana persekitaran lebih sejuk dan nyaman.

Aktiviti lain yang boleh dijalankan adalah aktiviti Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH) di sekitar tempat tinggal, pantai-pantai peranginan, di sekitar sungai dan taman rekreasi. Dengan melaksanakan aktiviti ini, isu-isu asas seperti kawasan rekreasi yang kotor dengan sisa yang ditinggalkan dapat diatasi, seterusnya menjadikan kawasan persekitaran lebih bersih dan sihat. Dengan menyertai dan melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti ini juga menjadikan kita sebagai kumpulan contoh dan menjadi ikutan dalam menerapkan nilai murni dalam masyarakat.

Oleh itu, marilah kita berusaha untuk bersama-sama menerapkan kesedaran mengasihi dan menjaga keharmonian alam. Sikap tidak jujur dalam menjaga alam sekitar samalah seumpama merosakkan masa depan generasi akan datang. Semoga kita tergolong di kalangan mereka yang memelihara alam sekitar dengan baik.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini ada beberapa tausiah penting yang perlu diberi perhatian oleh kita semua sebagai iktibar demi menjaga alam sekitar untuk kebaikan bersama:

Pertama : Umat Islam hendaklah meyakini bahawa nikmat kehidupan dan ruang kehidupan di dunia ini adalah anugerah Allah yang mesti dijaga dan dipelihara.

Kedua : Umat Islam hendaklah meningkatkan kesedaran tentang menjaga kelestarian alam dengan mengelakkan sebarang perbuatan yang merosakkan alam sekitar dan berperanan secara kolektif membanteras sebarang aktiviti pencemaran alam.

Ketiga : Semua agensi hendaklah bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang atau peraturan-peraturan sedia ada bagi menjamin kelestarian alam sekitar.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Qasas, ayat 77 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَأَتَّبِعْ فِي مَآءِ اتِّكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۗ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ
وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۗ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya: *Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus berwaspada dan melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan serta bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَىٰ آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُّجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah ! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadikanlah diri kami, isteri-isteri kami dan keturunan kami dari kalangan yang mendirikan solat serta menjauhi dosa-dosa kecil apatah lagi dosa-dosa yang besar. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.